

22 MAY 2004

PLANETARIUM PERSEMBAHKAN PERTUNJUKAN CAHAYA LASER

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Sekumpulan murid sekolah yang melawat Planetarium Negara hari ini terkejut apabila lawatan itu disertai dua orang tetamu kenamaan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Dr Mahathir dan Jamaludin, yang sebelum itu mendengar taklimat daripada Ketua-pengarah Agensi Angkasa Negara Prof. Datuk Dr Mazlan Othman, bersama-sama murid-murid itu menyaksikan pertunjukan laser khas yang diwujudkan dengan peralatan yang dipasang pada akhir tahun lepas.

Mereka juga menyaksikan tayangan awam dokumentari skreen besar "Solar Max".

Sempena ulang tahun planetarium ke-10, ia mengadakan kem angkasa untuk 100 pelajar selama tiga hari pada bulan ini selaras dengan konsep agensi itu "belajar sambil berhibur".

Agensi itu juga mengadakan Pertanding Teknologi Pelancaran Rocket Peringkat Kebangsaan buat kali pertama yang akan dimulakan di Putrajaya bulan Mac dan selepas itu ia akan diadakan di setiap negeri dan akan berakhir di kampus Universiti Malaya Julai ini.

-- BERNAMA
SOM KHY BK